

**KAJIAN PENGURUSAN DANA DAN HARTA  
MASJID DAERAH ALOR GAJAH**



**BIRO PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
KAMPUS ALOR GAJAH**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**ABDUL HADI MOHD SALLEH  
TUTASTING @ RAWI NORDIN  
DR HASAN BAHROM**

**1 MEI 2002**



**Universiti  
Teknologi  
MARA**

---

Unit Penyelidikan dan  
Perundingan  
UiTM Kampus Alor Gajah  
Km. 26, Jalan Lendu  
78000 Alor Gajah, Melaka

---

Tel: 06-5582095  
Fax: 06-5582001  
uppmelaka@melaka.itm.edu.my

Tarikh: 22 Jun 2001

En Abdul Hadi Bin Mohd Salleh  
Pusat Bahasa,  
UiTM Kampus Alor Gajah.

**TAJUK PENYELIDIKAN:  
PENGURUSAN DANA HARTA DAN HARTA MASJID-MASJID DI DAERAH  
ALOR GAJAH**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan penyelidikan tuan bersama ahli kumpulan telah diterima, berikut adalah keputusan yang telah dibuat :


- i. Meluluskan cadangan projek penyelidikan yang dikemukakan oleh tuan, Tn Hj Rawi Nordin dan Dr Hj Hasan Bahrom.
- ii. Kos yang diluluskan ialah sebanyak **RM 3,000 sahaja**.
- iii. Tempoh penyelidikan ini ialah **12 bulan**, iaitu mulai dari 1 Julai 2001 hingga 30 Jun 2002.
- iv. Penggunaan geran yang telah diluluskan hanya akan diproses setelah perjanjian ditandatangani.
- v. Kertas kerja boleh dibentangkan dalam seminar setelah 75% deraf awal laporan akhir projek dihantar ke UPP untuk semakan. Walau bagaimanapun, tuan perlu membuat permohonan kepada Unit Penyelidikan dan Perundingan.
- vi. Pihak tuan diminta mengemukakan **Laporan Kemajuan Projek** Penyelidikan bagi tempoh Julai 2001 sehingga Sept 2001. **Laporan Akhir** perlu dihantar sebaik sahaja projek penyelidikan disiapkan. Format menulis laporan akhir boleh diperolehi dari Unit Penyelidikan dan Perundingan.

Bersama ini disertakan Perjanjian untuk ditandatangani oleh pihak puan. Sila penuhi perjanjian berkenaan dengan menggunakan pen berdakwa hitam dan kembalikan kepada Ketua, Unit Penyelidikan dan Perundingan untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“SELAMAT MENJALANKAN PENYELIDIKAN”

Yang benar



**PROF. DR. HJ MOHD TAHIR HJ ABDUL HAMID**  
Provost

s.k.

- i. Ketua BRC, UiTM Shah Alam
- ii. Timbalan Provost HEA
- iii. Ketua UPP
- iv. Penolong Bendahari



BIRO PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM  
TEL: 5544 2094/2093/2092 FAX: 55122325

Surat Kami : 600-BRC/SKK. 5/3/428  
Tarikh : 31 Julai 2001

Encik Mohd Halil Marsuki  
Pegawai Kerja Akaun  
Unit Kewangan Zon 17  
Universiti Teknologi MARA Shah Alam

Tuan

**GERAN PENYELIDIKAN –**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini dimajukan salinan surat perlantikan untuk menjalankan penyelidikan bagi projek:

Pengurusan Dana Harta dan Harta Masjid-Masjid di Daerah Alor Gajah  
Ketua Projek : Abdul Hadi bin Mohd Salleh  
Kos Projek : RM 3,000.00

Sila hantarkan geran penyelidikan ke Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah.

Sekian terima kasih.

Yang benar

**DAPEAH AHMAD**

Penolong Pendaftaran

b/p Ketua

Biro Penyelidikan dan Perundingan

- s.k: 1. Provos  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah
2. Penolong Bendahari  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah  
( Sila hantarkan Laporan Peruntukan dan Perbelanjaan ke Unit Kewangan Zon 17 pada setiap bulan – format dilampirkan)
3. Encik Abdul Hadi bin Mohd Salleh  
Pensyarah/Ketua Projek  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah

## ABSTRAK

Masjid merupakan institusi terpenting dalam kehidupan umat Islam. Kewujudan institusi ini memberi impak kepada kehidupan mereka sama ada secara individu ataupun secara jamaah. Kerana itu kewujudan institusi masjid tidak boleh dipisahkan dan tidak pernah diabaikan dengan kehidupan umat Islam. Sejarah telah membuktikan institusi ini menjadi tapak kepada perubahan sifat, minda dan nilai budaya masyarakat. Walau bagaimanapun kelangsungan institusi ini berkait rapat dengan sokongan dan dokongan yang kuat daripada masyarakat setempat, sama ada dari aspek material dan spritual. Fungsi masjid akan lebih terserlah apabila didokongi oleh kekuatan sumber kewangannya dan kewibawaan tenaga yang mengurus institusi tersebut. Keyakinan masyarakat mendokongi institusi masjid berkait rapat dengan sejauhmana ketelusan dan kecekapan pimpinan institusi tersebut diperagakan. Namun kebelakangan ini sudah timbul keraguan umat tentang ketelusan institusi ini ditadbir khususnya dalam pengurusan kewangan. Persoalannya mengapakah keraguan ini timbul, apakah benar ketelusan dalam pengurusan kewangannya sudah tidak wujud? Atau masyarakat telah lebih prihatin dengan nilai-nilai pengurusan yang murni?. Kajian ini akan dapat memberi jawapan wajar terhadap persoalan yang bangkitkan.